BULETIN

# MPAJ

BIL. 3/2015







## MAJLIS PELANCARAN BUKU "COFFEE TABLE" PERMATANG KUARZA GOMBAK SELANGOR

**Majlis Sambutan**
***Maulidur Rasul***
**Peringkat Negeri Selangor**
**1437H / 2015M**
*1437H / 2015M Selangor Celebration of Prophet Muhammad's Birthday*

**KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE**
**Peringkat Kebangsaan 2015**
*NATIONAL LEVEL TEAM EXCELLENCE CONVENTION 2015*

**MAJLIS APRESIASI INOVASI MPAJ 2015**
**Ke Arah Inovasi Hijau**
*MPAJ INNOVATION APPRECIATION CEREMONY 2015*
*Towards Green Innovation*







# SIDANG REDAKSI


**PENAUNG**
TUAN HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN A.I.S, P.P.T, P.P.C
YANG DIPERTUA

**PENASIHAT**
TUAN HAJI HASROLNIZAM BIN SHAARI
TIMBALAN YANG DIPERTUA

**KETUA EDITOR**
PN. ROSLIZA BT MOHD
PENGARAH, JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

**SIDANG EDITOR**
EN. MOHAMAD FAREEZ BIN NORMANSHAH
PN. HASLIANA BT ANNUAR HASHIM

**PEMBANTU PENERBITAN**
PN. ZALEHA BT SALEH

**FOTOGRAFI**
EN. MOHD YUSOF BIN YAACOB





| JABATAN / BAHAGIAN | NO TELEFON |
|---|---|
| TALIAN BEBAS TOL ADUAN | 1 - 800 - 22 - 8100 |
| FAKSIMILE | 03 - 4296 8050 / 8060 |
| HOTLINE ( 24 JAM ) | 03 - 4296 8100 |
| TALIAN UTAMA (OPERATOR) | 03 - 4296 8000 |
| PANTAS (BENCANA ALAM 24 JAM) | 03 - 4280 9050 |
| KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN | |
| * KAUNTER PERTANYAAN | 03 - 4296 8046 |
| * KAUNTER EKSEKUTIF PELANGGAN | 03 - 4296 8357 |
| PEJABAT YANG DIPERTUA | 03 - 4296 8090 |
| PEJABAT TIMBALAN YANG DIPERTUA/ SETIAUSAHA | 03 - 4296 8099 |
| JABATAN PERBENDAHARAAN | 03 - 4296 8004 |
| JABATAN PERANCANGAN KORPORAT | 03 - 4297 5470 |
| JABATAN PENGUATKUASA | 03 - 4296 8024 |
| * STOR | 03 - 4296 8025 |
| * TRAFIK | 03 - 4280 7325 |
| JABATAN BELIA & MASYARAKAT | 03 - 4296 8012 |
| JABATAN BANGUNAN & SENIBINA | 03 - 4296 8009 |
| JABATAN PERANCANG BANDAR | 03 - 4296 8008 |
| JABATAN KEJURUTERAAN | 03 - 4296 5887 |
| JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA | 03 - 4296 8072 |
| JABATAN PELESENAN | 03 - 4280 3944 |
| JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN & KESIHATAN | 03 - 4296 8007 |
| JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN | 03 - 4296 8037 |
| JABATAN UNDANG - UNDANG | 03 - 4296 8016 |
| BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) | 03 - 4280 4675 |
| BAHAGIAN PUSAT KHIDMAT SETEMPAT (OSC PEMBANGUNAN) | 03 - 4280 5102 |
| BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM & SEKRETARIAT | 03 - 4296 8271 |
| BAHAGIAN UKUR BAHAN | 03 - 4297 4424 |
| BAHAGIAN AUDIT DALAM | 03 - 4296 8188 |


***BULETIN MPAJ BIL 3/2015 INI DITERBITKAN OLEH***
*JABATAN PERANCANGAN KORPORAT*
*MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA*
*JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH*
*55100 KUALA LUMPUR, SELANGOR*

hotline@mpaj.gov.my
youtube.com/ampangjaya
www.facebook.com/mp.ampangjaya
twitter.com/mp_ampangjaya
http://www.mpaj.gov.my


# MPAJ JOHAN KATEGORI BADAN BERKANUN DAN SWASTA BAGI ACARA PERBARISAN

## Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1437H / 2015M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1437H / 2015M telah berlangsung di Stadium Melawati Seksyen 13, Shah Alam pada 24 Disember 2015. Pelbagai acara dianjurkan bagi memeriahkan program termasuk acara perbarisan yang melibatkan sebanyak 94 kontinjen dari pelbagai agensi di dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. MPAJ telah menghantar pasukan kawad yang terdiri daripada 50 orang kakitangan bagi menyertai perbarisan tersebut. Pasukan kawad MPAJ yang berpakaian serba hijau berjaya merangkul anugerah johan bagi kategori badan berkanun dan swasta membawa pulang trofi dan wang tunai berjumlah RM 1,500.00.

# *MPAJ WON FIRST PLACE IN THE MAULID PARADE FOR STATUTORY BODIES AND PRIVATE SECTOR CATEGORY*

## *1437H / 2015M Selangor Celebration of Prophet Muhammad's Birthday*







*1437H / 2015M Maulid Celebration for the Selangor State Level was held at Stadium Melawati, Section 13, Shah Alam on 24 December 2015. A few events were organized to enliven the program including a parade involving 94 contingents of various agencies in the Selangor State Administration. MPAJ also participated in the parade by sending a team comprising 50 staff. The MPAJ team parade dressed in green Baju Melayu walks away with a trophy and cash prize worth RM 1,500.00 after named as first place winner for the statutory bodies and private sector category.*

# GOTONG ROYONG PERDANA
@
## DATARAN CABIN KAMPUNG PASIR




Tanggal 20 Disember 2015 menyaksikan semangat kerjasama yang erat di kalangan penduduk dan warga kerja MPAJ dalam membersihkan kawasan di sekitar Kampung Pasir, Hulu Kelang. Program Gotong Royong Perdana yang bertujuan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes ini turut dihadiri oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali; Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri, YB. Tuan Saari Bin Sungib; Ahli-ahli Majlis; dan Ketua Jabatan dalaman MPAJ. Penduduk telah diagihkan kepada beberapa kumpulan mengikut zon yang perlu dibersihkan. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali telah sudi menyerahkan tong sampah jenis Two Wheel Bin kepada setiap ketua zon sebagai simbolik perasmian Program Gotong Royong Perdana tersebut. Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain dan ketua-ketua jabatan dalaman MPAJ kemudiannya melakukan pemeriksaan ke atas sistem perparitan di kawasan Kampung Pasir bagi mendapatkan penyelesaian terhadap masalah banjir di kawasan tersebut.

# *GOTONG ROYONG PERDANA*
@
## DATARAN CABIN KAMPUNG PASIR

*20 December 2015 witnessed the spirit of great cooperation among the residents of Kampung Pasir Hulu Kelang and staffs of MPAJ. Prime Collaboration Program which aims to eliminate mosquito breeding area was also attended by Chief Minister of Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali; MPAJ President, Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Hulu Kelang Assemblyman, YB. Saari Bin Sungib; MPAJ's Councilors; and MPAJ's Head of Departments. Residents were distributed into groups according to the zones that need to be cleaned. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali distributed two wheel bins to each group as a symbolic of the program's inauguration.Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain and MPAJ's heads of departments subsequently conducted a site visit on the drainage system in Kampung Pasir area to find solution for the flood problem in the area.*














# KEJOHANAN BOLA SEPAK RAKAN JUNIOR U10 DAN U12 MPAJ 2015

Pada 15 November 2015 telah berlangsung Kejohanan Bola Sepak RAKAn Junior U10 dan U12 MPAJ bertempat di Padang MPAJ Kuala Ampang. Kejohanan ini adalah merupakan kejohanan liga yang dianjurkan oleh pihak MPAJ dengan kerjasama Persatuan Penduduk Kuala Ampang (RAKAn). Dua kategori dipertandingkan iaitu kategori umur bawah 10 tahun dan kategori umur bawah 12 tahun. Ianya terbuka kepada semua kelab dan persatuan di sekitar kawasan pentadbiran MPAJ dan sekitar Selangor.

Kejohanan telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh pengerusi program iaitu En. Sam Tan disusuli dengan ucapan daripada Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, YB. Tuan Haji Saari Bin Sungib. Kejohanan telah dimulakan sekitar jam 8:30 pagi dengan menyaksikan perlawanan bola sepak antara setiap kumpulan. Seramai 264 peserta yang menyertai pertandingan melalui 18 pasukan iaitu RAKAn, Saujana Utama, Langat Junior FC, SRK (T) Ampang, CK FC, Khaff FC, KBH Academy, Tunas Putra, ABR Kg Melayu, KLYS dan MPAJ. Program yang berlangsung sehingga jam 6 petang itu menyaksikan persaingan yang sihat antara kesemua pasukan yang bertanding. Berikut adalah keputusan pertandingan :

| | | |
|---|---|---|
| Kategori Trophy U10 : | | |
| Tempat Pertama | - | Saujana Utama |
| Tempat Kedua | - | KLYS |
| Tempat Ketiga | - | MPAJ & ABR Kg. Melayu |
| Kategori Plate U10 : | | |
| Tempat Pertama | - | RAKAn |
| Tempat Kedua | - | KBH Academy |
| Tempat Ketiga | - | Khaff FC & ABR Kg. Melayu |
| Kategori Trophy U12 : | | |
| Tempat Pertama | - | KLYS |
| Tempat Kedua | - | Langat Junior FC |
| Tempat Ketiga | - | MPAJ & KBH Academy |
| Kategori Plate U12 : | | |
| Tempat Pertama | - | RAKAn |
| Tempat Kedua | - | ABR Kg. Melayu |
| Tempat Ketiga | - | Khaff FC |

# *RAKAn JUNIOR U10 AND U12 SOCCER TOURNAMENT 2015*

*RAKAn Junior U10 and U12 Soccer Tournament 2015 were held on 15 November 2015 at Padang MPAJ Kuala Ampang. This tournament is a league tournament organized by MPAJ in partnership with the Residents Association of Kuala Ampang (RAKAn). There were two categories namely under 10 years of age and under 12 years of age. It was open to all soccer clubs and associations in MPAJ's vicinity and the administration of Selangor.*

*The championship began with a welcoming speech by the chairman of RAKAn, Mr Sam Tan, followed by a speech from the President of MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain and Hulu Kelang Assemblyman, YB. Haji Saari Bin Sungib. The tournament started around 8:30 am. A total of 264 participants from 18 teams participated in the competition that were RAKAn, Saujana Utama, Langat Junior FC, SRK (T) Ampang, CK FC, Khaff FC, KBH Academy, Tunas Putra, ABR Kg Melayu, KLYS dan MPAJ. The program which ended at 6 pm witnessed a healthy competition among all teams. Listed below are the results of the tournament :*

| | | |
|---|---|---|
| *Trophy U10 Category :* | | |
| *1st Place* | - | *Saujana Utama* |
| *2nd Place* | - | *KLYS* |
| *3rd Place* | - | *MPAJ & ABR Kg. Melayu* |
| *Plate U10 Category :* | | |
| *1st Place* | - | *RAKAn* |
| *2nd Place* | - | *KBH Academy* |
| *3rd Place* | - | *Khaff FC & ABR Kg. Melayu* |
| *Trophy U12 Category :* | | |
| *1st Place* | - | *KLYS* |
| *2nd Place* | - | *Langat Junior FC* |
| *3rd Place* | - | *MPAJ & KBH Academy* |
| *Plate U12 Category :* | | |
| *1st Place* | - | *RAKAn* |
| *2nd Place* | - | *ABR Kg. Melayu* |
| *3rd Place* | - | *Khaff FC* |




# KEJOHANAN MOUNTAIN BIKE CABARAN AU2 MPAJ 2015

Perlumbaan basikal kini telah menjadi satu trend gaya hidup sihat yang popular di Malaysia. MPAJ dengan kerjasama Fun D Cycle Point telah mengadakan Kejohanan Mountain Bike Cabaran AU2 MPAJ 2015 pada 15 November 2015. Antara objektif program ini adalah bagi mencungkil bakat baru dalam acara mountain bike bukan sahaja di kalangan remaja tetapi meliputi semua lapisan umur. Ianya juga bertujuan untuk menjadikan Ampang Jaya sebagai salah satu lokasi beriadah dan tumpuan aktiviti rekreasi. Perlumbaan bermula di Medan Selera Taman Desa Keramat melalui kawasan kebun di bahagian belakang Pusat Membeli Belah Jusco AEON AU2. Jarak trek MTB tersebut adalah sepanjang 12 kilometer. Trek ini telah memberi cabaran secara fizikal dan mental kepada 100 peserta melalui laluan yang landai dan sedikit berbukit. Kategori yang dipertandingkan adalah Lelaki Terbuka; Wanita Terbuka; Lelaki Master (35 – 45 tahun); Lelaki Master (45 tahun ke atas); Lelaki Bawah 18 Tahun; Lelaki Bawah 15 Tahun; dan Lelaki Bawah 10 Tahun.



# AU2 CHALLENGE MOUNTAIN BIKE TOURNAMENT 2015



*Cycling activity has now become a popular trend of healthy lifestyle in Malaysia. MPAJ in partnership with Fun D Cycle Point host the AU2 Challenge Mountain Bike Tournament on 15 November 2015. Among the objectives of this program is to unearth new talent in mountain bike activity, not only among adolescents but also from all range of age. It is also one of initiatives for the branding of Ampang Jaya in becoming a popular spot for recreational activities. The race started at Taman Desa Keramat Food Court, through the garden area at the rear side of AEON Jusco AU2 Mall. The MTB track distance is 12 kilometers. This track has challenged the 100 participants physically and mentally through the sloping and hilly route. Categories for the tournament were the Men's Open; Women's Open; Master Men (35-45 years); Master Men (45 years and above); Boys Under 18 Years; Boys Under 15 Years; and Boys Under 10 Years.*





# MAJLIS APRESIASI INOVASI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2015

Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Majlis Apresiasi Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015 pada 29 Oktober 2015 bertempat di Bankuet, Dewan Jubli Perak. Majlis yang dianjurkan bagi menghargai usaha-usaha inovasi yang telah dijalankan oleh agensi-agensi di bawah pentadbiran Kerajaaan Negeri Selangor telah menyaksikan kejayaan besar buat Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2015. Hadiah-hadiah kemenangan telah disampaikan oleh YB. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (beliau kini telah bersara) mewakili Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali. Pihak Pengurusan Tertinggi MPAJ dengan penuh rasa kesyukuran mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja dan para pelanggan MPAJ atas kerjasama yang diberikan dalam mengurus serta membangunkan kawasan Ampang Jaya. Pada majlis tersebut, pihak MPAJ turut diberi peluang untuk membuka ruangan pameran bagi projek OSC Klik iaitu projek inovasi hasil cetusan idea Bahagian OSC MPAJ yang berjaya ke peringkat akhir Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) 2015.

Berikut adalah senarai kemenangan yang dikecapi MPAJ pada majlis tersebut :

- Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) 2015
  - Anugerah Dato' Menteri Besar Selangor dengan markah tertinggi 97.43%
  - Anugerah Pengurusan Sumber Manusia Terbaik dengan markah 10.30 / 10.30
  - Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik dengan markah 5.74 / 5.74
  - Anugerah Pengurusan Projek Pembangunan Terbaik dengan markah 4.95 / 5.00
- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke-28 Tahun 2015
  - Johan Kategori Teknikal – Kumpulan Quartz
  - Naib Johan Kategori Pengurusan – Kumpulan Ace10
  - Pameran Terbaik Keseluruhan – Kumpulan Ace10



## INNOVATION APPRECIATION CEREMONY FOR THE SELANGOR STATE ADMINISTRATION 2015

*The Selangor State Government host the 2015 Innovation Appreciation Ceremony on 29 October 2015 at the Banquet Hall of Dewan Jubli Perak. The ceremony was organized to reward innovation efforts done by the agencies under the administration of Selangor State Government. Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) received a few main awards on that day. The prizes were presented by YB. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Selangor State Secretary (he is now retired) representing the Chief Minister of Selangor, YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali. The Management of MPAJ with a sense of gratitude would like to thank all employees and customers of MPAJ for giving cooperation in managing and developing Ampang Jaya area. During the ceremony, MPAJ was also given the opportunity to open an exhibition for the OSC Click project by MPAJ OSC Division who is one of the finalists for the Selangor Public Sector Innovation Award (AISAS) 2015.*

*Listed below were the awards received by MPAJ during the ceremony :*

- *Excellence Administration and Office Management Award (APPC) 2015*
  - *Selangor Chief Minister Award with highest score of 97.43%*
  - *Best Human Resource Management Award with full marks of 10.30 / 10.30*
  - *Best Finance Management Award with full marks of 5.74 / 5.74*
  - *Best Development Project Management Award with marks of 4.95 / 5.00*
- *28th Selangor State Public Service Innovative and Creative Circle (CIC) Year 2015*
  - *1st Place for Technical Category – Quartz*
  - *2nd Place for Management Category – Ace10*
  - *Overall Best Exhibition – Ace10*




## PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN, KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) TAHUN 2015

### Pasukan Pantun MPAJ menduduki tempat ke-3 dan ke-4

MPAJ telah menghantar dua (2) kumpulan bagi menyertai Pertandingan Berbalas Pantun anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Antara objektif pertandingan tersebut adalah (a) Mengembangkan kemahiran berbahasa dalam seni berpantun sebagai khazanah warisan bangsa; (b) Meningkatkan penguasaan penggunaan Bahasa Melayu serta memupuk kecintaan terhadap bahasa dan sastera; serta (c) Mengaplikasikan kemahiran berbahasa dengan menggunakan daya fikir secara kreatif dan kritis. Pertandingan dijalankan menggunakan format kalah mati. Tema pantun yang ditetapkan adalah sebanyak sepuluh (10) tema iaitu Sehati Sejiwa; Budi Bahasa; Warisan Sejarah; Tradisional; Rukun Negara; Pendidikan; Perkasa Budaya; Pelancongan; Negara Lestari; dan Sukan. Kumpulan Bunga Tanjung 1 dan Bunga Tanjung 2 telah menampilkan karya dan ciptaan pantun yang menarik semasa sesi pertandingan yang berlangsung pada 26 Oktober 2015. Hasil usaha dan kerja berkumpulan yang baik membuahkan hasil apabila Kumpulan Bunga Tanjung 2 mendapat tempat ke-3 manakala Kumpulan Bunga Tanjung 1 mendapat tempat ke-4.

## QUATRAIN COMPETITION ORGANIZED BY MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT (KPKT)

### MPAJ won 3rd place and 4th place

*MPAJ sent two (2) groups to participate in a quatrain competition organized by the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT). Among the objectives of the competition are (a) Develop proficiency in the quatrain art as national heritage treasures; (b) Increase the usage of Malay Language and to foster love towards Malay language and literature; and (c) Using a creative approach in the application of language skills. The competition was carried out using a knockout format. 10 themes have been set for the quatrain competition that were "Sehati Sejiwa"; Etiquette & Manners; Historical Heritage; Traditional; "Rukun Negara"; Education; Culture; Tourism; Sustainable Country; and Sports. Bunga Tanjung 1 and Bunga Tanjung 2 showed their creativity in producing unique quatrains during the competition which took place on 26 October 2015. As a result, Bunga Tanjung 2 got 3rd place while Bunga Tanjung 1 got 4th place.*

## PROGRAM MENDAKI BUKIT TABUR, PERMATANG KUARZA GOMBAK SELANGOR (PKGS)

### Hayati Keindahan Cadangan Tapak Warisan Dunia

Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Mendaki Bukit Tabur yang disertai oleh Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Timbalan Yang Dipertua, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari; Pengarah-pengarah Jabatan dalaman MPAJ; dan pegawai pengiring daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Pendakian pada 13 Oktober 2015 bermula sekitar jam 8:00 pagi di mana semua peserta telah berpeluang menikmati keindahan Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang merupakan cadangan tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Antara objektif penganjuran program ini adalah bagi membolehkan pengurusan atasan MPAJ berada lebih dekat dengan khazanah alam yang bakal menjadi tapak warisan dunia ini serta menikmati sendiri keindahan batuan kuarza, flora serta fauna di kawasan ini.

## BUKIT TABUR HIKING PROGRAM (GOMBAK SELANGOR QUARTZ RIDGE)

### Embrace the beauty of the proposed World Heritage Site

*MPAJ's Youth and Community Department has taken the initiative to organize the Bukit Tabur Hiking Program on 13 October 2015. The program was participated by our own beloved President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Deputy President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari; Internal Head of Departments; and officials from the Selangor Forest Department. The hiking activity started at 8:00 am where all participants had the opportunity to enjoy the beauty of Gombak Selangor Quartz Ridge (PKGS) which has been proposed as world heritage site by the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). Among the objectives of the program was to bring the MPAJ's top management closer to the natural treasures that has been proposed as a world heritage site and to enjoy the beauty of quartz rocks, flora and fauna of the area.*



## SUKANEKA UNTUK SEKOLAH KHAS / OKU PERINGKAT MPAJ 2015



Sebanyak 10 buah sekolah telah menyertai program Sukaneka Untuk Sekolah Khas anjuran MPAJ pada 30 Oktober 2015 bertempat di Padang Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah. Program ini diadakan bagi memberi ruang kepada murid-murid pendidikan khas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam mengembangkan lagi potensi diri sama ada dari sudut psikomotor, sosial dan emosi. Usaha ini juga menyediakan ruang untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan murid pendidikan khas / OKU, guru-guru serta keluarga masing-masing. Antara acara yang diadakan bagi peringkat kanak-kanak adalah lari dalam guni, bawa bola ping pong dalam sudu, muzik berirama, tarik bola menggunakan gelung, rebut gula-gula dan acara bola. Manakala bagi peringkat dewasa pula disediakan acara kerusi berirama, menganyam ketupat dan masuk benang dalam jarum. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain diiringi oleh Pengarah Jabatan Belia & Masyarakat, En. Khairilazhar Bin Ismail telah merasmikan program pada pagi tersebut.



## TELE-MATCHES FOR SPECIAL SCHOOL (OKU)

*A total of 10 schools participated in the tele-matches for special / handicap school organized by MPAJ on 30 October 2015 at Padang Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah. The program was organized to provide space for special education students and people with disabilities (OKU) in developing their potential either in terms of psychomotor, social and emotion. It also helps in fostering relationships among children with special needs / disabilities, teachers and their families. Among the events held for the children were sack race, ping pong ball in a spoon, rhythmic music, pool the ball using a loop, sweets competition and soccer match. As for the adults, activities provided were musical chairs, "ketupat" weaving, and thread & needle competition. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain accompanied by the Director of Youth & Community Department, En. Khairilazhar Bin Ismail inaugurated the program.*

## SEMINAR PEMANTAPAN PELAKSANAAN PERSEKITARAN BANDAR SELAMAT MASYARAKAT SEJAHTERA AMPANG JAYA 2015



Jabatan Perancang Bandar MPAJ telah menganjurkan Seminar Pemantapan Pelaksanaan Persekitaran Bandar Selamat Masyarakat Sejahtera Ampang Jaya pada 10 September 2015 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ. Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari manakala sesi taklimat berkaitan Bandar Selamat telah disampaikan oleh Puan Zuraina Binti Said, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ. Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Tuan ACP Khairuldin Bin Saad (kini telah berpindah ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman) turut memberikan taklimat berkaitan usaha pencegahan jenayah di kawasan pentadbiran MPAJ. Bagi tujuan mempertingkatkan tahap kesedaran awam berkaitan pencegahan jenayah, satu ceramah yang diiringi dengan pementasan lakonan telah disampaikan oleh Kelab Anti Jenayah dan Dadah Malaysia. Ceramah diiringi pementasan lakonan tersebut memberi pendidikan kepada peserta seminar tentang cara-cara untuk menangani situasi jenayah yang berlaku terhadap diri kita sendiri seperti kejadian ragut, rompakan bersenjata dan sebagainya.

## SEMINAR ON STRENGTHENING THE IMPLEMENTATION OF AMPANG JAYA SAFE CITY ENVIRONMENT AND PROSPEROUS SOCIETY

*The Town Planning Department of MPAJ organized a Seminar on Strengthening the Implementation of Ampang Jaya Safe City Environment and Prosperous Society on 10 September 2015 at MPAJ's Auditorium Level 5, Menara MPAJ. The opening speech was delivered by Vice President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari while the briefing on "Bandar Selamat" (Safe City) was delivered by Puan Zuraina Bin Said, Director of MPAJ's Town Planning Department. Officer Commanding Police Division (OCPD) of Ampang Jaya, ACP Tuan Khairuldin Bin Saad (now working in Bukit Aman Police Headquarters) also gave presentations on crime prevention efforts in the administration area of MPAJ. For the purpose of enhancing the level of public awareness regarding the prevention of crime, a lecture followed by casting session was presented by the Crime and Anti-Drug Club Malaysia. The lecture was accompanied by the acting performances to educate the seminar participants on ways to deal with crime situations such as snatch thefts, armed robberies and so on.*




# TAKLIMAT PROGRAM KITAR SEMULA DAN KOMPOS BERSAMA PENDUDUK DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

## Sempena Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan



Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan disambut pada tanggal 11 November setiap tahun bermula pada tahun 2000 dengan objektif utama untuk memupuk kesedaran masyarakat untuk mengamalkan kitar semula. Konsep 4R iaitu *"Rethink, Reduce, Reuse and Recycle"* harus diamalkan dan menjadi budaya hidup kita. Kitar semula bermaksud memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi maksud menghasilkan keluaran. Kitar semula berlaku apabila bahan-bahan buangan diproses dan menghasilkan produk yang sama. Kitar semula mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber yang bernilai. Bahan-bahan seperti kaca, besi, plastik dan kertas dikumpul, diasingkan dan dihantar ke pusat pemprosesan untuk ditukarkan kepada produk atau bahan baru.

Menghayati konsep kitar semula ini, MPAJ telah menganjurkan Taklimat Program Kitar Semula Dan Kompos Bersama Penduduk di Kawasan Pentadbirannya pada 24 November 2015 bertempat di Galeri, Aras 4, Menara MPAJ. Program ini disertai oleh Jawatankuasa Penduduk (JKP), pengurusan hotel, pusat membeli belah dan pengusaha barang lusuh. Komitmen turut diberikan oleh Ahli Majlis MPAJ yang sama-sama menghadiri sesi taklimat. Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah merasmikan program pada hari tersebut.

# BRIEFING ON RECYCLING AND COMPOSTING PROGRAM WITH THE RESIDENTS OF AMPANG JAYA

## *In conjunction with the National Recycling Day*

*National Recycling Day is celebrated on 11 November every year starting from the year 2000 with the main objective to create awareness for recycling. 4R concept of "Rethink, Reduce, Reuse and Recycle" should be practice as our culture. Recycling means collecting and sorting of solid waste for the purpose of producing an output. Recycling occurs when waste materials are processed and produce similar products. Recycling activity transforms waste materials into useful products. Materials such as glass, metal, plastic and paper are collected, sorted and delivered to a processing center to be converted into new products or materials.*

*Align with the recycling initiative; MPAJ organized a briefing on Recycling and Composting Program with residents of Ampang Jaya on 24 November 2015 at the Gallery, Level 4, Menara MPAJ. Residents Committee (JKP), hotel management, shopping malls and recycling centers joined the program. Also present were MPAJ's councilors. The program was officiated by Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, President of MPAJ.*








# MAJLIS PELANCARAN BUKU "COFFEE TABLE" PERMATANG KUARZA GOMBAK SELANGOR

## Salah Satu Usaha Pengiktirafan Sebagai Tapak Warisan Kebangsaan Dan Tapak Warisan Dunia Oleh UNESCO

Kerajaan Selangor telah mensasarkan Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) di Empangan Klang Gates diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Langkah awal untuk menjadikan kawasan itu sebagai tapak warisan kebangsaan sudah dimulakan dan diluluskan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor pada Jun 2013. Aset geologi dimiliki kuarza itu mempunyai nilai tinggi dan boleh ditarafkan sebagai warisan rantau, melebihi taraf warisan kebangsaan. PKGS adalah tembok batuan semulajadi luar biasa di pinggir Banjaran Titiwangsa yang membentuk permatang terpanjang di dunia iaitu 14 kilometer (km) dengan kelebaran 50 meter. Atas keunikan ini maka buku "Coffee Table" Permatang Kuarza Gombak Selangor telah dilancarkan oleh YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali pada 28 September 2015. Ianya bertujuan memastikan hasil penemuan dengan kepelbagaian biologi dan geologi di kawasan berkenaan dijadikan rujukan pihak berkepentingan serta tatapan generasi akan datang. Ia juga bakal dijadikan dokumen sokongan untuk membantu kawasan itu mendapat pengiktirafan tapak warisan kebangsaan dan tapak warisan dunia oleh UNESCO. Majlis pelancaran anjuran Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor tersebut yang diadakan di Tapak Rekreasi Permatang Kuarza Gombak Selangor telah dihadiri oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Barisan Exco Kerajaan Negeri Selangor, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Barisan Ahli Majlis MPAJ, pegawai daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan penduduk setempat.



# *THE LAUNCHING OF GOMBAK SELANGOR QUARTZ RIDGE COFFEE TABLE BOOK*

## *One of the Efforts to Get Recognize As National Heritage Site and World Heritage Site by UNESCO*



*The Selangor State Government has targeted Quartz Ridge Gombak Selangor (PKGS) in Klang Gates Dam to be recognized as a world heritage site by the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). The first step to make the area a national heritage site has been initiated and approved by the Selangor State Executive Council Meeting in June 2013. Geological assets owned by the quartz have high values and can be rated as a heritage of the region, exceeding the level of the national heritage. PKGS is made of unusual natural rock wall at the edge of Banjaran Titiwangsa which forms the world's longest ridge which is 14 kilometers (km) and a width of 50 meters. Based on its uniqueness, a Coffee Table Book on Quartz Ridge Gombak Selangor was launched by YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali on 28 September 2015. It was intended to ensure that the findings of the biodiversity and geology of the area will be a reference to stakeholders and future generations. It will also serve as a supporting document in effort to be recognized as the region's heritage and world heritage site by UNESCO. The launching which was organized by Town Plannning Department of Selangor was held at Gombak Selangor Quartz Ridge Recreation Site. It was attended by the Chief Minister of Selangor, Selangor Executive Councilor, President of Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), President of Selayang Municipal Council (MPS), MPAJ's Councilors, Officers form Selangor State Secretary Office and local residents.*

## UNG NAIB JOHAN
## ANDINGAN MEDAN
## SELAMAT

**or Tahun 2015**

yang terletak di kawasan nangi tempat kedua bagi i bawah PBT / Kerajaan gan premis makanan 31 gan Medan Selera Bersih, yampaian hadiah telah is Anugerah Program nan (PJKM) Peringkat ktober 2015 bertempat di kemenangan, sijil serta na oleh En. Khairulazmi Jabatan Penilaian dan ntadbiran MPAJ.

## BUNGA TANJUNG FOOD COURT WON SECOND PLACE FOR CATEGORY B IN THE CLEAN, HEALTHY AND SAFE FOOD COURT COMPETITION

### Selangor State Level 2015

*Bunga Tanjung Food Court in MPAJ administrative area won second place in the Clean, Healthy and Safe Food Court Competition for Category B, that is food court under the administration of local council / State Government with 31 and above number of food premises. The prize giving ceremony was held during the Food Safety Assurance Awards Program (JKM), Selangor State Level on 1 October 2015 at Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya. En. Khairulazmi Bin Abd. Rahman, Director of Valuantion and Property Management Department whom represented MPAJ received a trophy, certificate and cash prize.*












## MAJLIS PENYERAHAN TIKET PIALA SULTAN SELANGOR 2015

**Oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim Bin Munisar, Pengerusi Piala Sultan Selangor**

Pada 21 Oktober 2015 telah berlangsung Majlis Penyerahan Tiket Piala Sultan Selangor 2015 oleh Pengerusi Piala Sultan Selangor iaitu Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim Bin Munisar bertempat di lobi Aras 4, Menara MPAJ. Beliau yang juga merupakan mantan Yang Dipertua MPAJ telah menyampaikan ucapan sebelum menyerahkan 50,000 tiket Piala Sultan Selangor kepada Barisan Pengarah mewakili Jabatan Dalaman MPAJ, Barisan Ahli Majlis mewakili Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ, serta kelab-kelab bola sepak di sekitar kawasan pentadbiran MPAJ. Turut hadir pada hari tersebut adalah beberapa orang pemain veteran pasukan bola sepak Selangor seperti Dollah Salleh, Shahril Arsat dan lain-lain. Majlis pada hari tersebut diteruskan dengan jamuan makan tengahari diiringi dengan persembahan ringkas. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim Bin Munisar turut dibawa melawat ke pejabat Yang Dipertua MPAJ iaitu tempat beliau pernah menabur bakti sebagai Yang Dipertua MPAJ yang pertama.

* Walau bagaimanapun perlawanan bola sepak Piala Sultan Selangor 2015 terpaksa dibatalkan atas sebab jerebu.

## HANDING OVER CEREMONY OF THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP 2015 TICKETS

***By Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim Bin Munisar, Sultan of Selangor's Cup Chairman***

*The Handing Over Ceremony of The Sultan of Selangor's Cup 2015 Tickets by it's chairman, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim Bin Munisar was held on 21 October 2015 at the lobby of Menara MPAJ. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim delivered a speech before handing over 50,000 tickets of the Sultan of Selangor's Cup to the MPAJ's Head of Departments, MPAJ councilors representing their Residents Committee (JKP), as well as football clubs around the administrative area of MPAJ. Also present on that day were some of the veteran players of Selangor football team such as Dollah Salleh, Shahril Arsat and others. The program was continued with a luncheon with a light entertainment. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abdul Karim Bin Munisar, who was a former President of MPAJ also visited the President office. He was the council's first president.*

** The Sultan of Selangor's Cup football match 2015 was canceled due to haze.*





# MAJLIS APRESIASI INOVASI MPAJ 2015

## Tema : Ke Arah Inovasi Hijau

### Pelancaran Majlis Apresiasi Inovasi MPAJ 2015

Dalam usaha menghayati dan membudayakan inovasi, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Inovasi MPAJ 2015 pada 8 dan 9 Disember 2015 bertempat di Menara MPAJ, Pandan Indah. Majlis yang bertemakan "Ke Arah Inovasi Hijau" ini dimulakan dengan upacara pelancaran semasa Perhimpunan Pagi Bulan Disember 2015 anjuran Jabatan Perancangan Korporat pada 8 Disember 2015. Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah sudi merasmikan Majlis Apresiasi Inovasi MPAJ 2015 dan melancarkan Aplikasi Mobile MPAJ serta Sistem e-Slope. Aplikasi Mobile adalah satu sistem baru yang dibangunkan bagi memudahkan proses pemantauan dan pelaporan kerja kakitangan di tapak secara terus ke pejabat. Sistem e-Slope pula adalah sistem yang dibangunkan secara bersama dengan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) bagi memantau cerun di kawasan MPAJ.

Program kemudiannya diteruskan dengan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Antara MPAJ, SlopeWatch (NGO) dan OYO Corporation. Perjanjian Persefahaman ini melibatkan kerjasama strategik antara MPAJ dengan penduduk di kawasan Bukit Antarabangsa melalui badan NGO yang dikenali sebagai SlopeWatch dan sebuah syarikat bertaraf antarabangsa dari Jepun, OYO Corporation. Kerjasama ini diwujudkan bagi membawa proses pemantauan cerun ke satu tahap yang lebih tinggi melalui program Pengumpulan Data Hujan Bagi Tujuan Pemetaan Komuniti dan Amaran Awal Tanah Runtuh (Crowdsourcing for Community Mapping and Early Warning of Landslides).

Bagi memberikan penghormatan kepada kumpulan QE TLK yang telah dinobatkan Johan Sektor Awam Negeri semasa Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan dan kumpulan Quartz yang berjaya meraih Anugerah Ketua Pengarah MAMPU (Kategori Negeri – Teknikal) dalam Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan, warga kerja MPAJ telah dipersembahkan dengan lakonan semula persembahan daripada kumpulan QE TLK serta tayangan video rakaman pembentangan kumpulan Quartz.

Majlis kemudiannya menyaksikan penyampaian anugerah-anugerah dan pengiktirafan daripada sudut inovasi serta kualiti kepada kumpulan-kumpulan yang telah berjaya mengharumkan nama MPAJ sepanjang tahun 2015.

### Program-program Sempena Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat MPAJ 2015

Terdapat pelbagai program yang diadakan sepanjang dua (2) hari berlangsungnya Majlis Apresiasi Inovasi MPAJ 2015 ini. MPAJ telah bekerjasama dengan Pusat Darah Negara bagi penganjuran Kempen Derma Darah manakala Fakulti Pergigian, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pula telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan gigi di Galeri Menara MPAJ. Pihak Hospital Pantai, Pandan Indah turut menyediakan kaunter bagi pemeriksaan kesihatan di lobi Aras 4 Menara MPAJ. Antara agensi lain yang turut membuka kaunter pameran adalah Malaysian Association of Creativity and Innovation (MACRI), Malaysian Productivity Corporation (MPC), Slope Watch dan OYO Corporation selain kumpulan-kumpulan inovasi MPAJ yang telah berjaya mengharumkan nama MPAJ di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi tujuan pemantapan penggunaan "quality tools" bagi projek KIK, Bengkel Pemantapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah dianjurkan untuk semua wakil jabatan dalaman pada 9 Disember 2015 bertempat di Bilik Kursus Aras 9, Menara MPAJ. Bengkel ini telah disampaikan oleh En. Arbaie Bin Kadinan daripada Jabatan Penguatkuasa MPAJ. Selain itu, En. Suhaimi Bin Hamad daripada Bahagian Pembangunan Kualiti dan Kecemerlangan (QED), Malaysian Productivity Corporation (MPC) telah dijemput bagi menyampaikan ceramah inovasi dengan tajuk "Menguruskan Inovasi" pada 9 Disember 2015.

Bagi memeriahkan lagi majlis, aktiviti Kembara Explorasi Inovasi telah diadakan menyaksikan saingan sihat antara kumpulan-kumpulan yang bertanding. Berikut adalah kumpulan yang berjaya :

| | | |
|---|---|---|
| Tempat Pertama | - | Crew Ceria 1 (Jabatan Perbendaharaan) |
| Tempat Kedua | - | Undang2 (Jabatan Undang-undang) |
| Tempat Ketiga | - | Ceria 2 (Jabatan Perbendaharaan) |
| Saguhati | - | OSC 1 (Bhg. OSC) |
| | | OSC 2 (Bhg. OSC) |
| | | Audit Dalam (Bhg. Audit Dalam) |



# MPAJ INNOVATION APPRECIATION CEREMONY 2015 Theme : Towards Green Innovation

### The launching of MPAJ's Innovation Appreciation Ceremony 2015

*As one of the efforts to appreciate and cultivate innovation in MPAJ, the council has organized Innovation Appreciation Ceremony on 8 and 9 December 2015 at Menara MPAJ, Pandan Indah. By using "Towards a Green Innovation" theme, the ceremony began with the launching event during December 2015 monthly assembly on 8 December 2015 that was organized by Corporate Planning Department of MPAJ. Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain inaugurated the MPAJ's Innovation Appreciation Ceremony 2015 and launched the council's Mobile Applications and e-Slope System. MPAJ Mobile Application is a new system developed to facilitate the monitoring and reporting via mobile of staff working at site directly to the office. E-Slope was developed jointly with the Malaysian Remote Sensing Agency (ARSM) aimed to monitor the slopes in MPAJ area.*



*This was followed by the signing of Memorandum of Understanding (MOU) between MPAJ, SlopeWatch (NGO) and OYO Corporation. The MOU involves a strategic partnership between MPAJ and the residents of Bukit Antarabangsa through their NGO called SlopeWatch and a world-class company from Japan, OYO Corporation. This partnership was created to empower the process of slope monitoring through the "Crowdsourcing for Community Mapping and Early Warning of Landslides" project.*

*As a tribute to MPAJ's QE group, QE TLK that was crowned Champion for the State Public Sector during the National Level Team Excellence Convention and MPAJ's ICC group, Quartz who won the MAMPU's Director General Award (State Category – Technical) in the National Public Service Innovation Ceremony, audience were entertained with live performance by QE TLK and video recording presentation of Quartz.*

*The program was then continued with prize giving ceremony to all groups and individuals who have received awards and recognition at the state, national and international level.*

### Programs Held during the MPAJ's Innovation Appreciation Ceremony 2015



*There were various programs held during the two (2) days of 2015 Innovation Appreciation Ceremony. MPAJ has worked together with the National Blood Centre in organizing a blood donation campaign and also the Faculty of Dentistry, Islamic Science University of Malaysia (USIM) who provided dental services at Menara MPAJ. Pantai Hospital, Pandan Indah also opened counters for medical examinations at Lobby Level 4, Menara MPAJ. Among other agencies that participated in the 2-day exhibition were Malaysian Association of Creativity and Innovation (MACRI), Malaysian Productivity Corporation (MPC), OYO Corporation, SlopeWatch and MPAJ's innovation groups that have successfully created glories achievements at the state, national and international level.*



*For the purpose of strengthening the skills of ICC quality tools, an Innovative and Creative Circle (ICC) Workshop was held for all internal department representatives on 9 December 2015 at Training Room Level 9, Menara MPAJ. The workshop was led by En. Arbaie Bin Kadinan from the Enforcement Department of MPAJ. In addition, En. Suhaimi Bin Hamad of Quality and Excellence Development (QED), Malaysian Productivity Corporation (MPC) has been invited to deliver lectures on the topic of "Managing Innovation" on 9 December 2015.*

*To tone up the day, an Innovation Exploration Race activity was held. The list of winners are :*

| | | |
|---|---|---|
| First Place | - | Crew Ceria 1 (Treasury Department) |
| Second Place | - | Undang2 (Legal Department) |
| Third Place | - | Ceria 2 (Treasury Department) |
| Consolation Prizes | - | OSC 1 (OSC Divion) |
| | | OSC 2 (OSC Division) |
| | | Audit Dalam (Internal Audit Division) |





## SUKAN JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) 2015





## RESIDENTS COMMITTEE'S SPORTS TOURNAMENT 2015

Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) 2015 telah berlangsung sepanjang bulan Oktober 2015 melibatkan semua 24 JKP di kawasan MPAJ. Antara sukan yang dipertandingkan adalah ping pong, karom, dart, dam aji, bola keranjang, bowling, futsal, bola jaring, badminton, bola sepak, petanque, sepak takraw dan tarik tali. Berikut adalah keputusan kejuaraan bagi setiap jenis permainan yang dipertandingkan :

| JENIS SUKAN | TEMPAT PERTAMA | TEMPAT KEDUA | TEMPAT KETIGA |
|---|---|---|---|
| Ping pong | JKP Zon 20 | JKP Zon 17 | JKP Zon 22 & 23 |
| Karom | JKP Zon 8 | JKP Zon 16 | JKP Zon 7 |
| Dart | JKP Zon 16 | JKP Zon 10 | JKP Zon 12 & 15 |
| Dam Aji | JKP Zon 13 | JKP Zon 9 | JKP Zon 12 & 15 |
| Bola Keranjang | JKP Zon 20 | JKP Zon 8 | JKP Zon 3 |
| Bowling | JKP Zon 3 | JKP Zon 9 | JKP Zon 13 |
| Futsal Lelaki | JKP Zon 8 | JKP Zon 1 | JKP Zon 14 |
| Futsal Perempuan | JKP Zon 19 | JKP Zon 1D | JKP Zon 1B |
| Bola Jaring | JKP Zon 12 | JKP Zon 9 | JKP Zon 6 & 8 |
| Badminton | JKP Zon 22 | JKP Zon 8 | JKP Zon 17 |
| Bola Sepak (bawah 12 tahun) | JKP Zon 15 | JKP Zon 13 | JKP Zon 10 |
| Bola Sepak (bawah 14 tahun) | JKP Zon 19 | JKP Zon 12 | JKP Zon 9 |
| Bola Sepak (Dewasa) | JKP Zon 11 | JKP Zon 2 | JKP Zon 9 |
| Petanque | JKP Zon 8 | JKP Zon 3 | JKP Zon 9 & 19 |
| Sepak Takraw | JKP Zon 9 | JKP Zon 9 | JKP Zon 13 |
| Tarik Tali | JKP Zon 9 | JKP Zon 16 | JKP Zon 18 |

Majlis Makan Malam Sempena Penutup Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) Tahun 2015 MPAJ

Tarikh : 4 November 2015
Masa : 8:00 malam
Tempat : Hotel De Palma, Ampang

Pemenang Keseluruhan :

Pertama - JKP Zon 8
Kedua - JKP Zon 9
Ketiga - JKP Zon 19

*Residents Committee's Sports Tournament 2015 was held during the month of October 2015 involving all 24 Residents Committee (JKP) in MPAJ administration area. Among the sports were table tennis, carom, darts, "dam aji", basketball, bowling, football, netball, badminton, football, petanque, sepak takraw and "tarik tali". Here are the results for each type of games :*

| SPORT | 1st PLACE | 2nd PLACE | 3rd PLACE |
|---|---|---|---|
| Ping pong | JKP Zone 20 | JKP Zone 17 | JKP Zone 22 & 23 |
| Carom | JKP Zone 8 | JKP Zone 16 | JKP Zone 7 |
| Dart | JKP Zone 16 | JKP Zone 10 | JKP Zone 12 & 15 |
| "Dam Aji" | JKP Zone 13 | JKP Zone 9 | JKP Zone 12 & 15 |
| Basketball | JKP Zone 20 | JKP Zone 8 | JKP Zone 3 |
| Bowling | JKP Zone 3 | JKP Zone 9 | JKP Zone 13 |
| Futsal (M) | JKP Zone 8 | JKP Zone 1 | JKP Zone 14 |
| Futsal (F) | JKP Zone 19 | JKP Zone 1D | JKP Zone 1B |
| Netball | JKP Zone 12 | JKP Zone 9 | JKP Zone 6 & 8 |
| Badminton | JKP Zone 22 | JKP Zone 8 | JKP Zone 17 |
| Football (U12) | JKP Zone 15 | JKP Zone 13 | JKP Zone 10 |
| Football (U14) | JKP Zone 19 | JKP Zone 12 | JKP Zone 9 |
| Football | JKP Zone 11 | JKP Zone 2 | JKP Zone 9 |
| Petanque | JKP Zone 8 | JKP Zone 3 | JKP Zone 9 & 19 |
| Sepak Takraw | JKP Zone 9 | JKP Zone 9 | JKP Zone 13 |
| "Tarik Tali" | JKP Zone 9 | JKP Zone 16 | JKP Zone 18 |

*Formal Dinner for the Closing of Residents Committee's Sports Tournament 2015*

*Date : 4 November 2015*
*Time : 8:00 pm*
*Venue : De Palma Hotel, Ampang*

*Overall Winners :*
*1st Place - JKP Zone 8*
*2nd Place - JKP Zone 9*
*3rd Place - JKP Zone 19*











## KONVENSYEN ICQCC (INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES) KE-40 TAHUN 2015 DI KOREA

### QE Cerun Membawa Pulang Pengiktirafan Perak

Bagi menggalak dan meningkatkan aktiviti kawalan kualiti di Asia, Konvensyen pertama ICQCC telah diadakan pada tahun 1976 di Seoul, Korea anjuran Agensi Piawaian Korea (KSA), Kesatuan Saintis dan Jurutera Jepun (JUSE), serta Persatuan Perintis Kawalan Penyelidikan Kualiti (PQC). Korea telah mengadakan konvensyen ICQCC sebanyak 5 kali di Seoul, 1 kali di Gyeongsangnam-do, dan kini penganjuran yang ke-7 telah diadakan di Changwon-si, Gyeongsangnam-do. Antara tujuan penganjuran Konvensyen ICQCC ini adalah untuk menyebarkan teknik aktiviti QCC dan mencari teknik baru di peringkat antarabangsa. Ianya juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan aktiviti QCC antara semua Negara yang terlibat.

Pasukan QE Cerun yang mewakili Malaysia dan MPAJ ke Konvensyen ICQCC 2015 di Korea telah berjaya merangkul anugerah Perak melalui tajuk "Pemerkasaan Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun di MPAJ". Konvensyen telah berlangsung selama empat hari iaitu dari 5 hingga 8 Oktober 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Changwon (CECO), Changwon-si, Gyeongsangnam-do, Korea Selatan. Penyertaan di dalam konvensyen ini adalah merupakan langkah pertama MPAJ dalam usaha untuk mempertingkat dan memperbanyakkan penyertaan di peringkat antarabangsa dalam usaha membawa nama MPAJ ke mata dunia.



## 40th INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES (ICQCC)

### Silver Illumination for QE Cerun

*In order to encourage and elevate QC activities in Asia, the first International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) was held in 1976 in Seoul, Korea hosted by Korea Standards Agency (KSA), Union of Japanese Scientists and Engineers (JUSE), and Association of Pioneer Quality Control Research (PQCRA). Korea has held the convention 5 times in Seoul, 1 time in Gyeongsangnam-do, and the 7th convention was held in Changwon-si, Gyeongsangnam-do. Korea. The purpose of this convention is to spread QCC activity techniques and find new techniques internationally. It is also aims to share experiences and information about QCC activities among each country participated in the convention.*

*QE Cerun (QE Slope) team which represented Malaysia and MPAJ to the ICQCC Convention 2015 in Korea has won a Silver Illumination with their project "Strengthening4 the Monitoring and Maintenance of Slope in MPAJ." The convention was held for four days from 5 to 8 October 2015 located at Changwon Convention Center (CECO), Changwon-si, Gyeongsangnam-do, South Korea. Participation of MPAJ in this international convention was the first step in enhancing and increasing participations at international level in order to bring MPAJ's name internationally.*

## KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

### QE TLK 3 bintang dan Johan Sektor Awam Negeri ICC E'zy 3 bintang



Setelah layak ke peringkat kebangsaan, dua (2) pasukan daripada MPAJ iaitu QE TLK dan ICC E'zy telah menyertai Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan 2015 yang telah diadakan pada 2 hingga 4 November 2015 bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre dan Sunway Resort Hotel & Spa. Kumpulan ICC E'zy telah memperlihatkan persembahan yang amat menarik melalui tajuk "Perangkap Minyak Tersumbat Di Medan Selera Milik Majlis" dan berjaya mendapat pengiktirafan tertinggi 3 bintang. Kumpulan QE TLK juga turut mendapat pengiktirafan tertinggi 3 bintang melalui tajuk "Pemerkasaan Pengurusan Tempat Letak Kereta Melalui Kaedah QE/5S". Kumpulan QE TLK turut dinobatkan sebagai Johan Sektor Awam Negeri yang melayakkan mereka untuk mewakili Malaysia ke Konvensyen ICQCC 2016 di Thailand.





## NATIONAL LEVEL TEAM EXCELLENT CONVENTION 2015

### QE TLK : 3 Star Recognition and State Public Sector Champion
### ICC E'zy 3 Star Recognition

*After being qualified for the National Level, two (2) teams from MPAJ that were QE TLK and ICC E'zy participated in the National Level Team Excellence Convention 2015 which was held from 2 to 4 November 2015 at Sunway Pyramid Convention Centre and Sunway Resort Hotel & Spa. ICC E'zy has shown a very interactive presentation in title "Clogged Oil Trap at MPAJ's Food Court" and managed to get the highest recognition of 3 stars. QE TLK was also recognized with the highest 3 stars award with the title "Empowerment of Parking Management via QE / 5S Method". QE TLK was also announced as the champion for State Public Sector, which entitles them to represent Malaysia to the ICQCC Convention 2016 in Thailand.*

## TAKLIMAT PENULARAN PENYAKIT DEMAM KEPIALU : "RISIKO DARI PREMIS MAKANAN ANDA"



Peka dengan kes demam kepialu yang berlaku di Malaysia, MPAJ dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat telah menganjurkan taklimat berkaitan penularan penyakit demam kepialu dengan tajuk "Risiko Dari Premis Makanan Anda". Taklimat yang telah disampaikan oleh Dr Ruslina Yeop daripada Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat telah diadakan pada 4 November 2015 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ. Demam Tifoid (Kepialu) adalah satu jangkitan bawaan makanan disebabkan oleh bakteria Salmonelia Typhi. Kuman ini terdapat di dalam darah, urin dan najis pesakit serta najis pembawa hidup di dalam manusia. Pembawa tifoid tidak mempunyai gejala tetapi boleh menjangkiti orang lain. Bergantung kepada rawatan yang diterima, 10% pesakit tifoid akan mengalami komplikasi serius biasanya pada minggu ke-3 dan ke-4. Kadar kes kematian pula adalah antara 10% ke 20% jika pesakit tidak menerima rawatan. Oleh yang demikian, rawatan segera dengan pihak klinik kesihatan dan hospital adalah perlu kerana rawatan segera mampu mengurangkan kadar kematian sehingga kurang 1%. Sesi taklimat ini telah dihadiri oleh pemilik-pemilik premis makanan Gred C di sekitar kawasan pentadbiran MPAJ serta Ahli Majlis dan ketua jabatan dalaman MPAJ.



## BRIEFING ON THE SPREAD OF TYPHOID DISEASE : "RISK FROM FOOD PREMISES "

*Aware of cases of typhoid fever that occurred in Malaysia, MPAJ in partnership with Hulu Langat District Health Office organized a briefing on the transmission of typhoid fever in titles "Risk From Food Premises." The briefing was delivered by Dr Ruslina Yeop of Hulu Langat District Health Office was held on 4 November 2015 at the Auditorium Level 5, Menara MPAJ. Typhoid fever is a food-borne infection caused by Salmonelia Typhi bacteria. The bacteria can be found in the blood, urine and faeces of patients and carriers stool in human life. Typhoid carriers have no symptoms but can infect others. Depending on the treatment received, 10% of patients will develop serious complications of typhoid usually on their 3rd and 4th week. The fatality case rate is between 10% to 20%, if the patient does not receive treatment. Therefore, prompt treatment from clinic and hospital is necessary since it can reduce the mortality rate to below 1%. The briefing was attended by the owners of Grade C food premises in the MPAJ's administration area, MPAJ Council Members and Head of Departments.*







## ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SELANGOR (AISAS) 2015

Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) telah diperkenalkan buat kali pertama pada tahun 2010 yang bertujuan bagi memberi peluang kepada kakitangan atau jabatan-jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan sedia ada. Pelaksanaan anugerah ini juga adalah selaras dengan kehendak Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam yang dkeluarkan oleh Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertarikh 29 Januari 2010.

Selari dengan pembudayaan inovasi di Selangor, MPAJ telah menghantar empat (4) kumpulan bagi menyertai Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) 2015 yang berlangsung pada 20 dan 21 Oktober 2015 bertempat di Dewan Jubli Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. 4 kumpulan yang bertanding adalah OSC Clan daripada Bahagian OSC; D'Ezy License Team daripada Jabatan Pelesenan; Urban Force daripada Jabatan Perancang Bandar; dan Interaktif daripada Bahagian Audit Dalam. Daripada empat kumpulan yang dipertandingkan, hanya satu kumpulan berjaya ke Pembentangan Akhir iaitu Kumpulan OSC Clan dengan tajuk "Sistem OSC Klik".

## SELANGOR PUBLIC SECTOR INNOVATION AWARD (AISAS) 2015

*Selangor Public Sector Innovation Award (AISAS) was introduced for the first time in the year 2010, which aims to provide opportunities for staff or departments under the Selangor State Government Administration to trigger new ideas that are creative and innovative towards improving the delivery of existing services. Implementation of this award is also in line with the requirements of the Enhancement of Innovation Culture in Public Sector Guideline by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) dated 29 January 2010.*

*In line with the culture of innovation in Selangor, MPAJ sent four (4) groups to join the Selangor Public Sector Innovation Awards (AISAS) 2015, held on 20 and 21 October 2015 at the Dewan Jubli Perak, Selangor State Secretary Office. The 4 teams were OSC Clan of OSC Division; D'Ezy License Team of Licensing Department; Urban Force of City Planning Department; and Interactive of Internal Audit Division. Out of the four groups, only one group made it to the final presentation that was the OSC Clan with the title "OSC Click Application System".*

# HARI KELUARGA MPAJ 2015

## Anjuran Kelab Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan (KSKK) MPAJ



Kelab Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan (KSKK) telah menganjurkan Hari Keluarga MPAJ pada 21 November 2015 di Padang Perbandaran Ampang Jaya bermula jam 8:00 pagi. Majlis dihadiri oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Timbalan Yang Dipertua, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari; ketua-ketua jabatan; Pengerusi KSKK, En. Shahrom Bin Musa; serta seluruh warga kerja MPAJ bersama ahli keluarga masing-masing. Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut adalah persembahan hiburan oleh Band MPAJ, permainan istana belon (inflatable bouncer), acara sukaneka untuk kanak-kanak, acara sukaneka untuk dewasa, dan cabutan bertuah. Terdapat juga beberapa gerai jualan yang dibuka bagi memeriahkan program pada hari tersebut. Program seumpama ini dilihat positif bagi mengeratkan silaturahim di kalangan warga kerja MPAJ.

## *MPAJ'S FAMILY DAY 2015*

### *Organized by MPAJ's Sports, Welfare and Culture Club (KSKK)*

*Sports, Welfare and Culture Club (KSKK) of MPAJ organized a Family Day on 21 November 2015 at the Padang Perbandaran Ampang Jaya started at 8:00 am. The ceremony was attended by MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Vice President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari; heads of departments; KSKK's Chairman, En. Shahrom Bin Musa; as well as the entire staff of MPAJ together with their family members. Among the activities on that day were stage entertainment by MPAJ's band, inflatable bouncers, telematches for children, telematches for adults, and sweepstakes. There were also a number of sales outlets opened to enliven the program for the day. Family day is a positive program to create bonding among all employees of MPAJ.*











## MAJLIS PELANCARAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2015

### MPAJ Tempat ke-3 Kategori Penyediaan Laluan Basikal

MPAJ telah mendapat tempat ke-3 bagi Kategori Penyediaan Laluan Basikal dalam Anugerah Perlaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Anugerah telah disampaikan oleh YB. Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa Majlis Pelancaran Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 yang diadakan pada 3 November 2015 bertempat di Hotel J.W. Marriott. Majlis dihadiri oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Puan Zuraina Binti Said; dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Perancang Bandar MPAJ. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2015 disambut meriah selama 2 hari pada 3 dan 4 November 2015 dengan tema "Making Cities Resilient".

## *OPENING CEREMONY OF WORLD TOWN PLANNING DAY 2015*

### *MPAJ Won 3rd Place for the Cycling Trail Category*



*MPAJ got 3rd place for the Cycling Trail Category in the Green Neighborhoods Initiative Implementation Award organized by the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government. The award was presented by YB. Datuk Abdul Rahman Dahlan, Minister of Urban Wellbeing, Housing and Local Government himself during the opening ceremony of World Town Planning Day 2015, held on 3 November 2015 at the JW Marriott Hotel. The ceremony was attended by MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Director of Town Planning Department, Puan Zuraina Bin Said; and officers of MPAJ's Town Planning Department. World Town Planning Day 2015 was celebrated for 2 days, from 3rd until 4th November 2015 with the theme "Making Cities Resilient".*









## OPERASI BERSAMA JABATAN BANGUNAN DAN SENIBINA UNTUK MEROBOHKAN STRUKTUR HARAM DI BLOK C, FLAT CAHAYA INDAH, PANDAN CAHAYA, 68000 AMPANG SELANGOR.

*Tarikh : 10 September 2015*
*Anggota Terlibat : 16 orang anggota penguatkuasa*

**JOINT VENTURE ENFORCEMENT WITH BUILDING AND ARCHITECTURE DEPARTMENT TO DEMOLISH ILLEGAL STRUCTURE AT BLOK C, FLAT CAHAYA INDAH, PANDAN CAHAYA, 68000 AMPANG SELANGOR.**

*Date : 10 September 2015*
*Enforcement Officers Involved : 16 officers*







## TINDAKAN PENGUATKUASAAN PUSAT CUCI KERETA DI TEPI JALAN UTAMA, JALAN RASMI 7, TAMAN RASMI JAYA, 68000 AMPANG SELANGOR.

*Tarikh : 21 September 2015*
*Anggota Terlibat : 8 orang anggota penguatkuasa*

***ILLEGAL CAR WASH CENTRE ENFORCEMENT AT THE MAIN ROAD OF JALAN RASMI 7, TAMAN RASMI JAYA, 68000 AMPANG SELANGOR.***

*Date : 21 September 2015*
*Enforcement Officers Involved : 8 officers*









## OPERASI PEROBOHAN BERSAMA JABATAN BANGUNAN DAN SENIBINA BAGI MEROBOH SAMBUNGAN GERAI MAKAN YANG DIBINA ATAS REZAB JALAN.

*Tarikh : 15 Oktober 2015*
*Anggota Terlibat : 14 orang anggota penguatkuasa*

***JOINT VENTURE OPERATION WITH BUILDING AND ARCHITECTURE DEPARTMENT TO DEMOLISH ILLEGAL STRUCTURE OF FOOD STALL THAT WAS BUILD ON ROAD RESERVE.***

*Date : 15 October 2015*
*Enforcement Officers Involved : 14 officers*







## PENGUATKUASAAN KE ATAS RUMAH URUT BERSAMA UNIT RONDAAN DI WONDERFUL SURPRISE SDN BHD. NO. 25 GM JALAN PERDANA 4/1, PANDAN PERDANA 55300 KUALA LUMPUR.

*Tarikh : 21 Oktober 2015*
*Anggota Terlibat : 12 orang anggota penguatkuasa*

***ENFORCEMENT ON MASSAGE CENTRE IN COLLABORATION WITH PATROL UNIT AT WONDERFUL SURPRISE SDN BHD. NO. 25 GM JALAN PERDANA 4/1, PANDAN PERDANA 55300 KUALA LUMPUR.***

*Date : 21 October 2015*
*Enforcement Officers Involved : 12 officers*





## OPERASI ADUAN AYAM LAGA DI NO 17, JALAN CEMPAKA 10, TAMAN CEMPAKA, 68000 AMPANG SELANGOR.

*Tarikh : 18 November 2015*
*Anggota Terlibat : 14 orang anggota penguatkuasa*

### *ENFORCEMENT ON COMPLAINT OF "AYAM LAGA" ACTIVITY AT NO 17, JALAN CEMPAKA 10, TAMAN CEMPAKA, 68000 AMPANG SELANGOR.*

*Date : 18 November 2015*
*Enforcement Officers Involved : 14 officers*







## OPERASI PENJAJA BERSAMA JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN DI HADAPAN FLAT BLOK A/2, PANDAN MEWAH, 68000 AMPANG SELANGOR.

*Tarikh : 26 November 2015*
*Anggota Terlibat : 9 orang anggota penguatkuasa*

### *JOINT VENTURE ENFORCEMENT WITH URBAN SERVICES AND HEALTH DEPARTMENT AT FLAT BLOK A/2, PANDAN MEWAH, 68000 AMPANG SELANGOR.*

*Date : 26 November 2015*
*Enforcement Officers Involved : 9 officers*









## OPERASI PUSAT VIDEO GAMES DI COOL TOP VENTURE SDN BHD

*Tarikh : 2 Disember 2015*
*Anggota Terlibat : 12 orang anggota penguatkuasa*

### *ENFORCEMENT ON VIDEO GAME CENTRE AT COOL TOP VENTURE SDN BHD*

*Date : 2 December 2015*
*Enforcement Officers Involved : 12 officers*







## OPERASI PEROBOHAN PONDOK HARAM BERSAMA JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN DI HUJUNG JALAN UKAY PERDANA, HULU KLANG SELANGOR

*Tarikh : 23 Disember 2015*
*Anggota Terlibat : 7 orang anggota penguatkuasa*

### *JOINT VENTURE OPERATION WITH URBAN SERVICES AND HEALTH DEPARTMENT TO DEMOLISH ILLEGAL HUT AT JALAN UKAY PERDANA, HULU KLANG SELANGOR*

*Date : 23 December 2015*
*Enforcement Officers Involved : 7 officers*








**No. PI : 20144703570**

ikan masalah aduan kereta buruk tidak bertayar



**No. PI : 2015703811**

ap Sampah 3 bagi menyelesaikan masalah
utama.



## *BUSINESS MATCHING*

MPAJ sedang mencari rakan kongsi bagi memperluaskan pemasaran produk-produk inovasi yang telah dihasilkan oleh pihak Majlis.

## *PROMOSI*

Berminat dengan produk inovasi MPAJ? Hubungi kami bagi mendapatkan penerangan lanjut.


*JABATAN PERANCANGAN KORPORAT*

*Tel :*

***03-42975470***

*E-mel :*
*korporat@mpaj.gov.my*


AMARAN :